



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (62)

## SIARAN MEDIA

### OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN PREMIS IKAN HIASAN DI PUDU

**KUALA LUMPUR, 5 Mac 2026** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Wildlife Crime Bureau / Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Bahagian Pasukan Gerakan Am (PGA) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Kententeraman (JKDNKA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman telah melaksanakan satu operasi bersepadu bagi membanteras penjualan spesies ikan larangan di sekitar Jalan Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Operasi berskala besar ini bertujuan untuk menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap permit pemilikan spesies ikan larangan serta memastikan semua premis mematuhi syarat pelesenan aktiviti akuakultur. Bertindak atas risikan dan aduan awam, seramai 42 orang anggota penguat kuasa telah melakukan pemeriksaan mengejut ke atas beberapa premis ikan hiasan dan pasar di kawasan tersebut.

Tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan selaras dengan punca kuasa di bawah:

- **Akta Perikanan 1985 [Akta 317];**
- **Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, dsb., bagi Ikan) 1990 (Pindaan 2024);**
- **Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) W.P. Kuala Lumpur & W.P. Labuan 2017; dan**
- **Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686].**

Pihak DOF telah menyita pelbagai spesies ikan larangan termasuk Arapaima, *Sturgeon*, *Midas*, *Peacock bass*, udang kara *Cambaridae*, Baung Ekor Merah *Amazon*, Pacu dan *Flowerhorn*. Spesies ini dilarang kerana sifatnya yang invasif dan berisiko tinggi menjejaskan biodiversiti perairan serta menggugat populasi ikan asli tempatan sekiranya terlepas ke perairan. Kesemua ikan yang disita akan ditempatkan di Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor, KLIA bagi tujuan tindakan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM35,674.00.

Dibawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) W.P. Kuala Lumpur & W.P. Labuan 2017 kesemua enam (6) premis yang diserbu telah melakukan kesalahan tidak mempunyai permit dan lesen untuk menjalankan aktiviti akuakultur.


Pengarah Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya, Puan Suhanah Kassiron berkata, operasi ini bukan sahaja membanteras aktiviti tidak sah, malah memperkukuh sinergi strategik antara DOF dan PDRM melalui penglibatan WCB dalam menangani jenayah melibatkan hidupan akuatik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

“Kerjasama bersama Wildlife Crime Bureau PDRM membolehkan tindakan diambil secara lebih menyeluruh. Kami tidak akan berkompromi terhadap mana-mana premis yang mempamer atau menjual spesies larangan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Pemilik premis yang gagal mematuhi peraturan boleh dikenakan denda sehingga RM1,000, atau penjara sehingga satu tahun, atau kedua-duanya sekali bagi setiap kesalahan,” tegas beliau.

Beliau menambah, operasi ini menunjukkan komitmen DOF dalam meningkatkan tahap kepatuhan premis serta memperkukuh kawalan terhadap peredaran spesies asing demi melindungi ekosistem perairan serta menjamin kelestarian sumber perikanan negara.

Operasi ini turut disertai Jabatan Perhilitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Perhilitan serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Orang awam dan pengusaha premis dinasihatkan supaya sentiasa merujuk kepada Pejabat Perikanan terdekat sebelum memiliki atau memperdagangkan spesies ikan asing bagi mengelakkan tindakan undang-undang.

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)